



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
AGENSI NEGERI SERTA PENG AUDITAN PEMATUHAN
JABATAN NEGERI

PAHANG

Tahun 2020

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



ISSN 2811-4078



9 7 7 2 8 1 1 4 0 7 0 0 2

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia
Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
MALAYSIA

Laman web: <https://www.audit.gov.my>
Emel: jbaudit@audit.gov.my
Tel: 603-8091 1000
Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.



Dicetak Oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2021

Laman web: www.printnasional.com.my
Emel: cservice@printnasional.com.my
Tel: 603-9236 6895
Faks: 603-9222 4773



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN
JABATAN NEGERI

PAHANG

Tahun 2020

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	vii
--------------------	-----

BAHAGIAN I PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Ringkasan Eksekutif	3
Pendahuluan	5
Objektif dan Metodologi Pengauditan	6
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020	7

BAHAGIAN II ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Ringkasan Eksekutif	11
Latar Belakang	13
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	13
Penyata Prestasi Kewangan	13
Kumpulan Wang Disatukan	14
Wang Awam	16
Akaun Hasil Disatukan	18
Akaun Pinjaman Disatukan	25
Akaun Amanah Disatukan	26
Penyata Akaun Memorandum	35
Nota Kepada Penyata Kewangan	39
Rumusan Audit	41
Syor Audit	41

BAHAGIAN III PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Ringkasan Eksekutif	45
Pendahuluan	47
Pengauditan Penyata Kewangan	47
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	48
Pemakaian Piawaian Perakaunan	49
Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	50
Pembentangan Penyata Kewangan	55
Analisis Prestasi Kewangan	56
Rumusan Audit	56
Syor Audit	56

BAHAGIAN IV PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

Ringkasan Eksekutif	61
Pengenalan	63
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang	
1. Pengurusan Akaun Belum Terima	67

BAHAGIAN V PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agenzi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	77
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	77

PENUTUP	81
----------------	----

LAMPIRAN

Lampiran I	-	Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang	85
Lampiran II	-	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Akauntan Negeri Pahang	89
Lampiran III	-	Penyata Kedudukan Kewangan	90
Lampiran IV	-	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	91
Lampiran V	-	Penyata Prestasi Kewangan	92
Lampiran VI	-	Penyata Akaun Memorandum	93
Lampiran VII	-	Nota Kepada Penyata Kewangan	94

AKRONIM	113
----------------	-----



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di hadapan Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Pahang, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Negeri Pahang.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Pahang Tahun 2020 serta Pengauditan Pematuhan ini mengandungi perkara seperti berikut:
 - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
 - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
 - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri;
 - iv. Pengauditan Pematuhan; dan
 - v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2020. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

5. Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan. Pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksana berdasarkan ISSAI 4000 dan 4100. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini di sebalik kekangan yang timbul akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara pada tahun 2020 sehingga 2021.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

22 November 2021



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

RINGKASAN EKSEKUTIF

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang tahun 2020 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

FAKTA UTAMA

1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 Tahun kewangan Kerajaan negeri	31 Julai 2021 Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	4 Mac 2021 Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
Komponen Penyata Kewangan <ul style="list-style-type: none">• Penyata Kedudukan Kewangan• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai• Penyata Prestasi Kewangan• Penyata Akaun Memorandum• Nota Kepada Penyata Kewangan Jenis Sijil Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran		

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 kepada Jabatan Audit Negara pada **4 Mac 2021**. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai ubah suai pada tahun 2020 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Selain itu, ia mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan Wang Awam yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan negeri, hanya Pelaburan Am yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri

dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2020. Penerimaan terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding dengan perbelanjaan mengurus, pembangunan dan bekalan air serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman Dalam Negeri, Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan negeri. Aset Kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Liabiliti Kerajaan negeri pula terdiri daripada Hutang Awam.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan dan maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2020. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui surat pemerhatian Audit kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri serta jabatan negeri yang berkenaan sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Mesyuarat Penutup bersama-sama YB Pegawai Kewangan Negeri telah diadakan pada 16 Julai 2021.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan serta The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan penyata kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persempahan penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia. **Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang yang disertakan bersama-sama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Akauntan Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit? Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit? • Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Pahang secara menyeluruh pada akhir tahun 2020, di samping membantu Kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

Apa yang ditemui Audit? • Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 berjumlah RM541.99 juta, meningkat sebanyak RM210.30 juta (63.4%) berbanding RM331.69 juta pada tahun 2019.

• Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan sejumlah RM188.02 juta iaitu penurunan sejumlah RM3.34 juta (1.7%) berbanding RM191.36 juta pada tahun 2019. Kutipan hasil meningkat sebanyak RM3.18 juta atau 0.4% menjadi RM850.46 juta berbanding RM847.28 juta pada tahun 2019.

• Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada keseluruhannya meningkat sebanyak RM6.52 juta atau 1% pada tahun 2020, iaitu daripada RM655.92 juta pada tahun 2019 kepada RM662.44 juta.

• Pelaburan saham di Penyata Kedudukan Kewangan meningkat sebanyak RM100.07 juta atau 47.2% menjadi RM312.19 juta pada tahun 2020 berbanding RM212.12 juta pada tahun 2019.

• Pelaburan saham di Akaun Memorandum menurun sebanyak RM2.33 juta atau 0.3% menjadi RM846.46 juta pada tahun 2020 berbanding RM848.79 juta pada tahun 2019.

• Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM4.70 juta atau 2.3% daripada RM204.39 juta pada tahun 2019 kepada RM199.69 juta pada tahun 2020.

- Jumlah Hutang Awam meningkat sebanyak RM3.40 juta atau 0.1% menjadi RM3.069 bilion pada tahun 2020 berbanding RM3.066 bilion pada tahun 2019. Tunggakan Hutang Awam oleh Kerajaan negeri pada tahun 2020 ialah RM1.341 bilion.
- Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2020 telah meningkat sebanyak RM3.17 juta atau 5.3% menjadi RM63.32 juta berbanding RM60.15 juta pada tahun 2019.
- Prestasi pelaksanaan projek RMKe-11 bagi tempoh lima tahun bermula tahun 2016 hingga 2020 adalah memuaskan kerana sebanyak 244 projek telah diluluskan dan sebanyak 177 projek atau 72.5% telah siap sepenuhnya. Selain itu, sebanyak 67 projek atau 27.5% lagi ditangguh/belum mula

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL 2020 – RM850.46 juta 2019 – RM847.28 juta	↑ AKAUN HASIL DISATUKAN 2020 – RM164.95 juta 2019 – (RM23.07 juta)	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT 2020 – RM199.69 juta 2019 – RM204.39 juta
↓ BELANJA 2020 – RM679.37 juta 2019 – RM700.64 juta	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN 2020 – RM0 2019 – RM0	↓ PELABURAN 2020 – RM846.46 juta 2019 – RM848.79 juta
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN 2020 – RM377.04 juta 2019 – RM354.76 juta	↑ HUTANG AWAM 2020 – RM3.069 billion 2019 – RM3.066 billion

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan negeri menunjukkan Wang Awam yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Pada tahun 2020, sumber dana Kerajaan negeri berjumlah RM850.46 juta terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana

adalah bagi membiayai Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan dan Perbelanjaan Bekalan Air berjumlah RM679.37 juta. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri memperoleh lebihan dana berjumlah RM171.09 juta berbanding RM146.64 juta pada tahun 2019.

3.2. Analisis Audit mendapati hasil Kerajaan negeri menunjukkan peningkatan sejumlah RM3.18 juta atau 0.4% menjadi RM850.46 juta berbanding RM847.28 juta pada tahun 2019. Perbelanjaan Kerajaan negeri pula menunjukkan penurunan sebanyak RM21.27 juta atau 3.4% menjadi RM679.37 juta berbanding RM700.64 juta pada tahun 2019. Perbelanjaan Mengurus menunjukkan penurunan sebanyak RM29.77 juta atau 4.7% menjadi RM605.14 juta berbanding RM634.91 juta pada tahun 2019. Perbelanjaan Pembangunan pula menunjukkan peningkatan sebanyak RM3.15 juta atau 5.2% menjadi RM63.31 juta berbanding RM60.16 juta pada tahun 2019. Perbelanjaan Bekalan Air juga meningkat sebanyak RM5.35 juta atau 96.1% menjadi RM10.92 juta berbanding RM5.57 juta pada tahun 2019. Penyata Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYATA PRESTASI KEWANGAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil	850.46	847.28	3.18	0.4
Tolak: Perbelanjaan Mengurus	605.14	634.91	(29.77)	(4.7)
Perbelanjaan Pembangunan	63.31	60.16	3.15	5.2
Perbelanjaan Bekalan Air	10.92	5.57	5.35	96.1
LEBIHAN	171.09	146.64	24.45	16.7
Dibiayai Oleh:				
Pinjaman Dalam Negeri	42.24	57.27	(15.03)	(26.2)
Pelbagai Terimaan	26.15	27.34	(1.19)	(4.4)
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	(239.48)	(231.25)	(8.23)	3.6
JUMLAH PEMBIAYAAN	(171.09)	(146.64)	(24.45)	16.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

3.3. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan negeri bagi tahun 2020 adalah stabil kerana memperoleh lebihan berjumlah RM171.09 juta, iaitu meningkat sebanyak RM24.45 juta atau 16.7% berbanding RM146.64 juta pada tahun 2019.

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Mengikut Penyata Kedudukan

Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 berjumlah RM541.99 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada Wang Tunai berjumlah RM229.80 juta dan Pelaburan berjumlah RM312.19 juta.

4.2. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 meningkat sejumlah RM210.30 juta atau 63.4% menjadi RM541.99 juta berbanding RM331.69 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan oleh Akaun Hasil Disatukan meningkat sejumlah RM188.02 juta atau 815% berbanding tahun 2019. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**.


JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	164.95	(23.07)	188.02	815.0
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan	377.04	354.76	22.28	6.3
JUMLAH		541.99	331.69	210.30	63.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

4.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2016 Hingga 2020

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan termasuk simpanan tetap di institusi kewangan bagi tempoh tiga bulan atau kurang. Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang diterima tetapi belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada akhir tahun kewangan. Wang Tunai Dalam Tangan pula merupakan Panjar Wang Runcit yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Baki wang tunai Kerajaan negeri meningkat sejumlah RM110.23 juta atau 92.2% pada akhir tahun 2020 menjadi RM229.80 juta berbanding RM119.57 juta pada akhir tahun 2019 seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
BAKI WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	229.66	118.08	111.58	94.5
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	1.38	(1.38)	0.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.14	0.11	0.03	27.3
JUMLAH		229.80	119.57	110.23	92.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan Kerajaan negeri adalah Pelaburan Am daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan. Pelaburan Am terdiri daripada pegangan saham dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Saham Tak Tersiar Harga dan Deposit Dalam Negeri.

5.2.2. Pada akhir tahun 2020, baki pelaburan meningkat sejumlah RM100.07 juta atau 47.2% menjadi RM312.19 juta berbanding RM212.12 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan oleh penambahan Deposit Dalam Negeri sebanyak RM100 juta dalam BIMB Investment Malaysia Berhad dan pelarasan pelaburan Axiata Group Berhad sebanyak RM0.07 juta yang sebelum ini dilaporkan di Penyata Akaun

Memorandum. Baki pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2020 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
BAKI PELABURAN KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2020 DAN 2019

BIL.	SYARIKAT/INSTITUSI KEWANGAN	2020	2019	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
SAHAM					
1.	Amanah Saham Pahang Berhad	44.10	44.10	0.00	0.0
2.	YTL Corporation Berhad	39.59	39.59	0.00	0.0
3.	Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (M) Berhad	15.21	15.21	0.00	0.0
4.	Telekom Malaysia Berhad	3.05	3.05	0.00	0.0
5.	Global Maritime Ventures Berhad	3.00	3.00	0.00	0.0
6.	Malaysia Airport Berhad	2.50	2.50	0.00	0.0
7.	Alam Flora Sdn. Bhd.	2.00	2.00	0.00	0.0
8.	Malaysian Bulk Carriers Berhad	1.72	1.72	0.00	0.0
9.	Tenaga Nasional Berhad	0.79	0.79	0.00	0.0
10.	Axiata Group Berhad	0.23	0.16	0.07	43.8
JUMLAH		112.19	112.12	0.07	0.1
DEPOSIT DALAM NEGERI					
1.	BIMB Investment Malaysia Berhad	150.00	50.00	100.00	200.0
2.	Affin Hwang Asset Management Berhad	50.00	50.00	0.00	0.0
JUMLAH		200.00	100.00	100.00	100.0
JUMLAH PELABURAN		312.19	212.12	100.07	47.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

5.2.3. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri menerima pulangan atas pelaburan berjumlah RM13.52 juta, meningkat sebanyak RM5.40 juta atau 66.5% berbanding RM8.12 juta pada tahun 2019. Pulangan atas pelaburan tersebut adalah dalam bentuk tunai iaitu keuntungan dan dividen yang dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan serta terbitan saham. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh terimaan dividen daripada Alam Flora Sdn. Bhd. sebanyak RM6.51 juta serta keuntungan Deposit Dalam Negeri daripada BIMB Investment Malaysia Berhad dan Affin Hwang Asset Management Berhad sebanyak RM2.48 juta pada tahun 2020 berbanding tiada pulangan yang diterima pada tahun 2019.

5.2.4. Kerajaan negeri juga ada menerima pulangan dalam bentuk terbitan saham daripada YTL Corporation Berhad (YTLCB) sebanyak satu unit dividen saham bagi setiap 30 unit pegangan saham sedia ada yang dikreditkan ke akaun *Central Depository System* (CDS) pada tahun 2020. Perkara ini menjadikan unit saham Kerajaan negeri dalam YTLCB meningkat sebanyak 3.32 juta unit menjadi 103.04 juta unit pada tahun 2020 berbanding 99.72 juta unit pada tahun 2019. Selain itu, tiada

pulangan atas pelaburan diterima daripada tiga syarikat pada tahun 2019 dan 2020 iaitu Amanah Saham Pahang Berhad, Global Maritime Ventures Berhad dan Malaysian Bulk Carriers Berhad. Pulangan yang diterima oleh Kerajaan negeri pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PULANGAN ATAS PELABURAN YANG DITERIMA OLEH KERAJAAN NEGERI
PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	SYARIKAT/INSTITUSI KEWANGAN	2020	2019	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
SAHAM					
1.	Alam Flora Sdn. Bhd.	6.51	0.00	6.51	100.0
2.	Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (M) Berhad	3.30	3.70	(0.40)	(10.8)
3.	Tenaga Nasional Berhad Malaysia Airport Berhad	0.92	0.53	0.39	73.6
4.	Telekom Malaysia Berhad	0.15	0.02	0.13	650.0
5.	Malaysia Airport Berhad	0.10	0.14	(0.04)	(28.6)
6.	Axiatra Group Berhad	0.06	0.09	(0.03)	(33.3)
7.	YTL Corporation Berhad	*0.00	3.64	(3.64)	(100.0)
8.	Amanah Saham Pahang Berhad	0.00	0.00	0.00	0.00
9.	Global Maritime Ventures Berhad	0.00	0.00	0.00	0.00
10.	Malaysian Bulk Carriers Berhad	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH		11.04	8.12	2.92	36.0
DEPOSIT DALAM NEGERI					
1.	BIMB Investment Malaysia Berhad	1.32	0.00	1.32	100.0
2.	Affin Hwang Asset Management Berhad	1.16	0.00	1.16	100.0
JUMLAH		2.48	0.00	2.48	100.0
JUMLAH PULANGAN		13.52	8.12	5.40	66.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

Nota: (*) - Pulangan dalam bentuk unit saham sebanyak 3.32 juta unit.

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan negeri mengakhiri tahun kewangan 2020 dengan baki lebihan terkumpul Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM164.95 juta. Lebihan hasil tahun semasa menunjukkan penurunan sejumlah RM3.34 juta atau 1.7% menjadi RM188.02 juta pada tahun 2020 berbanding RM191.36 juta pada tahun 2019. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

PERKARA	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(23.07)	(214.43)	191.36	89.2
Hasil	850.46	847.28	3.18	0.4
Perbelanjaan Mengurus*	662.44	655.92	6.52	1.0
Lebihan	188.02	191.36	(3.34)	(1.7)
BAKI PADA 31 DISEMBER	164.95	(23.07)	188.02	815.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

Nota: (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

6.3. Hasil

6.3.1. Akaun Hasil Disatukan terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2020, kutipan hasil sebenar Kerajaan negeri berjumlah RM850.46 juta atau 114.3% daripada anggaran hasil yang diluluskan berjumlah RM744.02 juta seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN HASIL TAHUN 2020

BIL.	KATEGORI HASIL	ANGGARAN HASIL (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Hasil Cukai	349.65	428.56	122.6
2.	Hasil Bukan Cukai	274.50	301.62	109.9
3.	Terimaan Bukan Hasil	119.87	120.28	100.3
JUMLAH		744.02	850.46	114.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020


6.3.2. Hasil pada tahun 2020 meningkat sebanyak RM3.18 juta atau 0.4% menjadi RM850.46 juta berbanding RM847.28 juta pada tahun 2019. Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai masing-masing meningkat sebanyak RM179.55 juta dan RM70.30 juta menjadi RM428.56 juta dan RM301.62 juta pada tahun 2020 berbanding RM249.01 juta dan RM231.32 juta pada tahun 2019. Terimaan Bukan Hasil pula mencatatkan penurunan ketara sebanyak RM246.67 juta atau 67.2% menjadi RM120.28 juta pada tahun 2020 berbanding RM366.95 juta pada tahun 2019. Kutipan hasil Kerajaan negeri pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 2**.

JADUAL 8
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	KATEGORI HASIL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/(PENURUNAN)
				(RM Juta)	(%)	
1.	Hasil Cukai	428.56	249.01	179.55	72.1	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan kutipan Cukai Tanah sebanyak RM162.95 juta. Peningkatan Cukai Tak Langsung iaitu Cukai Tiket Pertunjukan Pentas sebanyak RM21.25 juta. Peningkatan Royalti Kayu Kayan sebanyak RM4.28 juta.
2.	Hasil Bukan Cukai	301.62	231.32	70.30	30.4	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan Premium Alienation sebanyak RM34.24 juta dan Premium Perhutanan sejumlah RM30.59 juta. Jualan air ke Selangor meningkat sebanyak RM13.02 juta. Sewa pajakan lombong meningkat sebanyak RM7.07 juta. Peningkatan dividen saham syarikat tak tersiar harga sebanyak RM6.51 juta. Peningkatan hibah atas baki akaun bank Al Wadiyah sebanyak RM5.08 juta.
3.	Terimaan Bukan Hasil	120.28	366.95	(246.67)	(67.2)	<ul style="list-style-type: none"> Tiada terimaan Pemberian Khas pada tahun 2020. Terimaan Daripada Lain-lain Agensi menurun sebanyak RM45.03 juta. Terimaan Bayaran Balik Pokok Pinjaman menurun sebanyak RM5.92 juta.
JUMLAH		850.46	847.28	3.18	0.4	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

CARTA 2
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

6.3.3. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri ialah Hasil Tanah, Geran Persekutuan, Hasil-hasil Lain, Hasil Hutan dan Hasil Air. Pada tahun 2020, Hasil Tanah meningkat dengan ketara sejumlah RM175.42 juta berbanding tahun 2019 disebabkan oleh pelaksanaan pindaan kadar cukai tanah pada tahun 2020. Hasil utama Kerajaan negeri pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN HASIL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Tanah	504.83	329.41	175.42	53.3
2.	Geran Persekutuan	95.28	289.66	(194.38)	(67.1)
3.	Hasil-hasil Lain	99.68	126.98	(27.30)	(21.5)
4.	Hasil Hutan	130.97	94.59	36.38	38.5
5.	Hasil Air	19.70	6.64	13.06	196.7
JUMLAH		850.46	847.28	3.18	0.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

6.3.4. Pada tahun 2020, enam butiran hasil mencatatkan peningkatan ketara berbanding tahun 2019 iaitu Cukai Tanah, Cukai Hiburan, Perolehan dari Jualan Barang-barang, Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan, Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit serta Sewaan seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENINGKATAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN HASIL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Cukai Tanah	310.90	147.94	162.96	110.2	Pelaksanaan pindaan kadar cukai tanah pada tahun 2020.
2.	Cukai Hiburan	32.74	17.60	15.14	86.0	Cukai tiket pertunjukan pentas meningkat sebanyak RM21.25 juta kerana pembayaran gantian duti hiburan sebanyak RM21.64 juta oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia.
3.	Perolehan dari Jualan Barang-barang	170.41	124.83	45.58	36.5	Peningkatan terimaan hasil Premium Alienation, Premium Perhutanan dan Jualan Air ke Selangor masing-masing berjumlah RM34.24 juta, RM30.59 juta dan RM13.02 juta.
4.	Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan	25.24	13.75	11.49	83.6	Terimaan dividen saham syarikat tak tersiar harga iaitu Alam Flora Sdn. Bhd. sejumlah RM RM6.51 juta dan hibah atas baki akaun bank Al Wadiyah sejumlah RM5.08 juta.
5.	Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	50.95	41.32	9.63	23.3	Permit pengalihan pasir meningkat sebanyak RM9.62 juta.
6.	Sewaan	16.69	9.72	6.97	71.7	Sewa pajakan lombong meningkat sebanyak RM7.07 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

6.3.5. Pada tahun 2020, empat butiran hasil yang mencatatkan penurunan ketara berbanding tahun 2019 iaitu Pemberian Khas, Terimaan daripada Lain-lain Agensi, Premium Tanah Biasa – Borang 5A dan Terimaan Bayaran Balik Pokok Pinjaman seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PENURUNAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN HASIL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Khas	0.00	200.00	(200.00)	(100.0)	Tiada terimaan Pemberian Khas pada tahun 2020.
2.	Terimaan daripada Lain-lain Agensi	9.28	54.31	(45.03)	(82.9)	Tiada terimaan daripada Perbadanan Setiausaha Kerajaan, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang.
3.	Premium Tanah Biasa – Borang 5A	16.14	48.68	(32.54)	(66.8)	Penurunan permohonan pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara
4.	Terimaan Bayaran Balik Pokok Pinjaman	4.71	10.63	(5.92)	(55.7)	PKNP dan Majlis Bandaraya Kuantan telah diluluskan penangguhan bayaran balik pinjaman masing-masing berjumlah RM5.50 juta dan RM4.10 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

6.4. Perbelanjaan Mengurus

6.4.1. Perbelanjaan mengurus terbahagi kepada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan khusus yang diperuntukkan mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan iaitu yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah perbelanjaan yang diperuntukkan mengikut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan seperti bayaran untuk membiayai aktiviti dan pengurusan harian Kerajaan negeri.

6.4.2. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Pada tahun 2020, peruntukan perbelanjaan mengurus yang diluluskan meningkat sejumlah RM57.48 juta atau 8.4% berbanding tahun 2019 seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	343.46	322.72	20.74	6.4
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	161.59	165.84	(4.25)	(2.6)
3.	Aset	1.78	1.21	0.57	47.1
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	226.09	187.42	38.67	20.6
5.	Perbelanjaan Lain	8.47	6.72	1.75	26.0
JUMLAH		741.39	683.91	57.48	8.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

6.4.3. Peruntukan asal yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2020 berjumlah RM739.89 juta. Peruntukan ini telah ditambah sebanyak RM1.50 juta menjadi RM741.39 juta selepas semakan semula. Pada tahun 2020, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri berjumlah RM662.44 juta atau 89.4% daripada peruntukan yang diluluskan seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN 2020 BERBANDING PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN

BIL.	BUTIRAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	343.46	317.67	92.5
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	161.59	132.31	81.9
3.	Aset	1.78	1.64	92.1
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	226.09	205.08	90.7
5.	Perbelanjaan Lain	8.47	5.74	67.8
JUMLAH		741.39	662.44	89.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020

Nota: (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM57.30 juta

6.4.4. Pada tahun 2020, perbelanjaan mengurus telah meningkat sebanyak RM6.52 juta atau 1% menjadi RM662.44 juta berbanding RM655.92 juta pada tahun 2019 seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI
PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	317.67	315.82	1.85	0.6
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	132.31	158.83	(26.52)	(16.7)
3.	Aset	1.64	1.09	0.55	50.5
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	205.08	173.55	31.53	18.2
5.	Perbelanjaan Lain	5.74	6.63	(0.89)	(13.4)
JUMLAH		662.44	655.92	6.52	1.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

Nota: (*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

6.4.5. Pada tahun 2020, Pemberian Dalam Negeri bagi Pejabat Kewangan dan Pertendaharaan Negeri meningkat dengan ketara sebanyak RM37.79 juta atau 78.5% menjadi RM85.92 juta berbanding RM48.13 juta pada tahun 2019. Hal ini berlaku disebabkan oleh pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM57.30 juta pada tahun 2020, meningkat sebanyak RM36.30 juta atau 172.9% berbanding RM21 juta pada tahun 2019. Bagaimanapun, terdapat perbelanjaan mengurus yang menunjukkan penurunan ketara pada tahun 2020 berbanding 2019 seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PENURUNAN KETARA PERBELANJAAN MENGURUS
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	PUSAT TANGGUNG JAWAB	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
					(RM Juta)	(%)	
1.	Emolumen	Jabatan Kerja Raya Negeri	46.97	48.31	(1.34)	(2.8)	Perbelanjaan Bayaran Lebih Masa yang menurun disebabkan pandemik Covid-19.
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	Jabatan Agama Islam Pahang	41.31	53.12	(11.81)	(22.2)	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti dan program tidak dapat dijalankan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan oleh pandemik Covid-19. Bayaran bekalan memasak bagi Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) tidak dibayar kerana penutupan sekolah akibat penularan wabak Covid-19.
3.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	59.64	69.64	(10.00)	(14.4)	Kerajaan negeri mendapat penangguhan bayaran balik pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

6.4.6. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa. Pembayaran boleh dibuat dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.
- Pada tahun 2020, sejumlah RM130,027.94 (85 baucar bayaran) telah dibayar di bawah AP 58(a). Jumlah ini adalah lebih rendah berbanding RM197,453.48 (46 baucar bayaran) pada tahun 2019, iaitu penurunan sebanyak RM67,425.54 atau 34.1% berbanding tahun 2019. Butiran pembayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	JABATAN	2020		2019	
		BILANGAN BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat KDYMM Sultan	13	86,293.10	22	133,177.20
2.	Pejabat Hutan Daerah Bentong	39	16,495.63	0	0.00
3.	Dewan Negeri	6	7,565.25	2	4,976.35
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	8	7,134.50	8	14,740.05
5.	Jabatan Kerja Raya Negeri	4	4,114.94	1	2,144.90
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Pekan	2	2,735.00	0	0.00
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut	5	2,386.19	0	0.00
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	3	1,630.40	3	1,675.98
9.	Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Cameron Highlands	1	722.01	0	0.00
10.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	2	453.54	0	0.00
11.	Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri	1	280.00	0	0.00
12.	Jabatan Mufti Negeri	1	217.38	0	0.00
13.	Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri	0	0.00	6	27,512.00
14.	Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands	0	0.00	1	4,500.00
15.	Pejabat Daerah dan Tanah Raub	0	0.00	1	1,787.00
16.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri	0	0.00	1	4,240.00
17.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri	0	0.00	1	2,700.00
JUMLAH		85	130,027.94	46	197,453.48

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

- c. Sebahagian besar perbelanjaan di bawah AP 58(a) melibatkan tuntutan elaun perjalanan, elaun lebih masa, bayaran rawatan perubatan, sewa mesin fotostat, bayaran bil minyak, bayaran caruman pekerja dan bayaran utiliti ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK). Pembayaran di bawah AP 58(a) dibuat antaranya disebabkan oleh bil/tuntutan lewat diterima.
- d. Pihak Audit mendapati permohonan AP 58(a) tahun 2020 telah direkodkan ke dalam Daftar Permohonan AP 58(a) dan sistem SPEKS. Selain itu, peruntukan tahun 2020 adalah mencukupi bagi pembayaran di bawah AP 58(a).

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

- 7.1. Akaun Pinjaman Disatukan merupakan sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke

Akaun Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan kumpulan wang lain yang berkaitan.

7.2. Pada tahun 2020, sejumlah RM42.24 juta pinjaman telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek Kerajaan negeri. Sejumlah RM4.79 juta adalah bagi Projek Bekalan Air di bawah Kumpulan Wang Bekalan Air dan RM37.45 juta lagi bagi Projek Pembangunan Pusat Pentadbiran Sultan Haji Ahmad Shah di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Keseluruhan amaun pinjaman telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Ikatan Amanah mengenainya di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2020, baki Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM377.04 juta, iaitu meningkat sebanyak RM22.28 juta atau 6.3% berbanding RM354.76 juta pada tahun 2019. Peningkatan Akaun Amanah Disatukan antaranya disebabkan oleh peningkatan Akaun Deposit sebanyak RM42.98 juta atau 17.2%. Baki Akaun Amanah Disatukan adalah seperti dalam **Jadual 17** dan **Carta 3**.

JADUAL 17
BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	(31.81)	(27.03)	(4.78)	(17.7)
i. Kumpulan Wang Pembangunan	(356.76)	(376.89)	20.13	5.3
ii. Kumpulan Wang Bekalan Air	(275.92)	(269.79)	(6.13)	(2.3)
iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	600.88	619.66	(18.78)	(3.0)
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	116.55	132.47	(15.92)	(12.0)
c. Akaun Deposit	292.30	249.32	42.98	17.2
JUMLAH	377.04	354.76	22.28	6.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

CARTA 3
BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2016 Hingga 2020

8.2. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada tiga kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Kumpulan wang ini berbentuk pusingan dan pembayarannya tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Negeri Pahang.

8.2.1. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan perbelanjaan pembangunan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406). Punca kewangan bagi kumpulan wang ini antaranya adalah caruman dari Akaun Hasil Disatukan, jualan aset modal iaitu jualan rumah kos rendah dan Pelbagai Terimaan. Kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk membiayai projek pembangunan negeri seperti yang ditetapkan dalam Akta 406 dan diluluskan oleh Dewan Negeri.

a. Prestasi Kewangan

- Pada tahun 2020, kumpulan wang ini telah menerima sejumlah RM83.45 juta yang terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM57.30 juta, Jualan Aset Modal berjumlah RM237,989.02 serta Pelbagai Terimaan berjumlah RM25.91 juta. Pelbagai Terimaan terdiri daripada Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup sejumlah RM15.94 juta, Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II sejumlah RM6.71 juta, Sewaan Rumah Awam Kos Rendah sejumlah RM3.07 juta dan Pemberian Persekutuan Bagi Perumahan Awam Kos Rendah sejumlah RM0.19 juta.

ii. Pada tahun 2020, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan lebihan berjumlah RM20.13 juta berbanding defisit RM11.81 juta pada tahun 2019, iaitu meningkat sebanyak RM31.94 juta atau 270.4%. Pada akhir tahun 2020, Kumpulan Wang Pembangunan berbaki defisit berjumlah RM356.76 juta berbanding defisit berjumlah RM376.89 juta pada akhir tahun 2019 seperti **Jadual 18**.

JADUAL 18
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

PERKARA	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(376.89)	(365.08)	(11.81)	(3.2)
Terimaan	83.45	48.34	35.11	72.6
Perbelanjaan	63.32	60.15	3.17	5.3
Lebihan/ Defisit	20.13	(11.81)	31.94	270.4
BAKI PADA 31 DISEMBER	(356.76)	(376.89)	20.13	5.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

iii. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2020 telah meningkat sebanyak RM3.17 juta atau 5.3% menjadi RM63.32 juta berbanding RM60.15 juta pada tahun 2019 seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	JABATAN/PEJABAT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	8.32	9.12	(0.80)	(8.8)
2.	Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri	22.03	17.30	4.73	27.3
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	13.80	14.88	(1.08)	(7.3)
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	1.97	1.86	0.11	5.9
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	1.02	1.30	(0.28)	(21.5)
6.	Jabatan Pertanian Negeri	4.99	4.40	0.59	13.4
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	2.81	1.82	0.99	54.4
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	7.99	9.37	(1.38)	(14.7)
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	0.39	0.10	0.29	290.0
JUMLAH		63.32	60.15	3.17	5.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

b. Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-11

i. Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) merangkumi projek pembangunan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan dan projek bekalan air di bawah Kumpulan Wang Bekalan Air bagi tempoh lima tahun bermula dari tahun 2016

hingga 2020. Sejumlah RM2.030 bilion siling peruntukan bagi RMKe-11 telah ditetapkan oleh Kerajaan negeri dan sejumlah RM598.56 juta atau 29.5% peruntukan telah diluluskan untuk pelaksanaan projek yang telah dirancang bagi tempoh tersebut seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
PERUNTUKAN DILULUSKAN BERBANDING SILING PERUNTUKAN RMKe-11

BIL.	JABATAN/PEJABAT	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	303.96	63.67	20.9
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	175.05	110.56	63.2
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	464.22	98.03	21.1
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	43.65	11.64	26.7
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	114.77	6.43	5.6
6.	Jabatan Pertanian Negeri	79.55	31.64	39.8
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	121.50	15.15	12.5
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	364.60	51.24	14.1
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	23.00	4.44	19.3
10.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (Bekalan Air)	339.44	205.76	60.6
JUMLAH		2,029.74	598.56	29.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2016 Hingga 2020

ii. Sejumlah RM541.20 juta atau 90.4% telah dibelanjakan sepanjang tempoh RMKe-11 berbanding peruntukan yang diluluskan. Prestasi perbelanjaan mengikut jabatan/pejabat pula adalah antara 81.1% hingga 99.3% seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PRESTASI PERBELANJAAN RMKe-11 BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	63.67	62.02	97.4
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	110.56	108.67	98.3
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	98.03	79.52	81.1
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	11.64	11.52	99.0
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	6.43	6.08	94.6
6.	Jabatan Pertanian Negeri	31.64	31.42	99.3
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	15.15	14.88	98.2
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	51.24	46.59	90.9
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	4.44	4.03	90.8
10.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (Bekalan Air)	205.76	176.47	85.8
JUMLAH		598.56	541.20	90.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2016 Hingga 2020


iii. Sepanjang tempoh RMKe-11, sebanyak 244 projek telah diluluskan dan 177 projek atau 72.5% telah siap sepenuhnya manakala 67 projek atau 27.5% lagi ditangguh/belum mula. Prestasi pelaksanaan projek RMKe-11 adalah seperti dalam **Jadual 22** dan **Carta 4**.

JADUAL 22
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BILANGAN PROJEK		
		LULUS	SIAP	TANGGUH/ BELUM MULA
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	70	45	25
2.	Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri	14	7	7
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	20	14	6
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	29	27	2
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	9	9	0
6.	Jabatan Pertanian Negeri	27	24	3
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	30	24	6
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	25	10	15
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	6	4	2
10.	Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri (Bekalan Air)	14	13	1
JUMLAH		244	177	67

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2016 Hingga 2020 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan

CARTA 4
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2016 Hingga 2020 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan

8.2.2. Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1), Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Akta 230). Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan berkaitan bekalan air. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah menerima pinjaman sejumlah RM4.79 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Prestasi Kumpulan

Wang Bekalan Air pada tahun 2020 telah menurun sebanyak RM3.19 juta atau 108.5% menjadikan defisit berjumlah RM6.13 juta berbanding defisit berjumlah RM2.94 juta pada tahun 2019. Pada akhir tahun 2020, Kumpulan Wang Bekalan Air berbaki defisit berjumlah RM275.92 juta berbanding RM269.79 juta pada tahun 2019 seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
BAKI KUMPULAN WANG BEKALAN AIR
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

PERKARA	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(269.79)	(266.85)	(2.94)	(1.1)
Terimaan	4.79	2.63	2.16	82.1
Perbelanjaan	10.92	5.57	5.35	96.1
Defisit	(6.13)	(2.94)	(3.19)	(108.5)
BAKI PADA 31 DISEMBER	(275.92)	(269.79)	(6.13)	(2.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

8.2.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang. Pada akhir tahun 2020, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM600.88 juta menurun sejumlah RM18.78 juta atau 3% berbanding RM619.66 juta pada tahun 2019.
- Faktor utama penurunan ini antaranya disebabkan oleh baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri di bawah Pelbagai Kumpulan Wang menurun sebanyak RM19.23 juta atau 10.1%. Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
BAKI PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	186.67	196.38	(9.71)	(4.9)
2.	Akaun Pinjaman	133.76	130.86	2.90	2.2
3.	Kumpulan Wang Luar Jangka	10.00	10.00	0.00	0.0
4.	Pelbagai Kumpulan Wang	270.45	282.42	(11.97)	(4.2)
JUMLAH		600.88	619.66	(18.78)	(3.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

c. Akaun Penyelesaian

Akaun Penyelesaian terdiri daripada Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan, Akaun Penyelesaian Cek Terbatal, Akaun Penyelesaian Pembatalan *Electronic Fund Transfer* (EFT), Akaun Peruntukan Pendahuluan Jabatan, Akaun Pinjaman Bercagar Daripada Kerajaan Persekutuan dan Akaun Kena Bayar. Pada tahun 2020, Akaun Penyelesaian menurun sebanyak RM9.71 juta atau 4.9% menjadi RM186.67 juta berbanding RM196.38 juta pada tahun 2019. Penurunan ini disebabkan oleh bayaran balik Pinjaman Bercagar Daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM3.30 juta secara ofset dengan dividen yang diterima daripada Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (M) Berhad. Selain itu, tiada Akaun Kena Bayar dibenarkan pada tahun 2020 selaras dengan Peraturan Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020. Baki Akaun Penyelesaian pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
AKAUN PENYELESAIAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Pendahuluan Dari Kerajaan Persekutuan	111.46	111.46	0.00	0.0
2.	Akaun Pinjaman Bercagar Daripada Kerajaan Persekutuan	70.03	73.33	(3.30)	(4.5)
3.	Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	2.82	2.20	0.62	28.2
4.	Akaun Penyelesaian Pembatalan EFT	1.36	0.89	0.47	52.8
5.	Akaun Peruntukan Pendahuluan Jabatan	1.00	1.00	0.00	0.0
6.	Akaun Kena Bayar	0.00	7.50	(7.50)	(100.0)
JUMLAH		186.67	196.38	(9.71)	(4.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

d. Akaun Pinjaman

- Akaun Pinjaman terdiri daripada Akaun Peruntukan dan Akaun Transaksi bagi pendahuluan/pinjaman kepada penjawat awam, Ahli Dewan Undangan Negeri serta agensi negeri. Baki Akaun Pinjaman meningkat sebanyak RM2.90 juta atau 2.2% menjadi RM133.76 juta pada tahun 2020 berbanding RM130.86 juta pada tahun 2019. Perkara ini antaranya disebabkan oleh bayaran balik pokok pinjaman oleh Majlis Bandaraya Kuantan sejumlah RM1.64 juta, Amanah Saham Pahang Berhad sejumlah RM1 juta dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang sejumlah RM0.36 juta.
- Pada tahun 2020, akaun pinjaman Pendahuluan Diri Pegawai Awam telah meningkat sebanyak RM39,379.70 menjadi RM0.27 juta berbanding RM0.23 juta pada tahun 2019. Hal ini antaranya disebabkan oleh satu perbelanjaan

berjumlah RM33,443.37 telah diperakaunkan di bawah AP 59 bagi bayaran perkhidmatan kawalan keselamatan di Istana Hinggap, Kuala Lipis bagi bulan Februari, Mac dan Mei hingga November 2019. Sehingga akhir tahun 2020, Laporan Jawatankuasa Siasatan masih belum disediakan dan tindakan pelarasan tidak dapat dilaksanakan.

e. Pelbagai Kumpulan Wang

- i. Pelbagai Kumpulan Wang terdiri daripada kumpulan wang amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan dan sumber lain. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri mempunyai 15 akaun Pelbagai Kumpulan Wang berbanding 13 akaun pada tahun 2019. Hal ini kerana sebanyak dua akaun baharu telah ditubuhkan pada tahun 2020 iaitu Kumpulan Wang Amanah Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) Pahang dan Kumpulan Wang Amanah Kelas Pengajian Takmir Negeri Pahang.

ii. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri

- Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri diwujudkan untuk membayai kos berkaitan penyelenggaraan jalan negeri. Pada akhir tahun 2020, baki kumpulan wang amanah ini berjumlah RM171.94 juta iaitu menurun sebanyak RM19.23 juta atau 10.1% berbanding RM191.17 juta pada tahun 2019. Penurunan ini disebabkan oleh peningkatan ketara perbelanjaan sejumlah RM76.31 juta atau 31.7% menjadi RM317.30 juta berbanding RM240.99 juta pada tahun 2019. Hal ini disebabkan oleh pertambahan pendaftaran jalan negeri dalam *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS).
- Mengikut rekod MARRIS, panjang jalan di negeri Pahang adalah 30,720.333 kilometer merangkumi jalan negeri utama, jalan bandaran, jalan perumahan, lorong belakang perumahan, jalan kampung dan jalan pertanian. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
BAKI KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN RAYA NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	191.17	144.51	46.66	32.3
Terimaan	298.07	287.65	10.42	3.6
Perbelanjaan	317.30	240.99	76.31	31.7
BAKI PADA 31 DISEMBER	171.94	191.17	(19.23)	(10.1)
Penggunaan (%)	106.5	83.8		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

8.3. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada akaun amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun amanah awam ini ditubuhkan untuk mengakaunkan sumbangan wang yang diterima daripada orang awam dan organisasi kepada Kerajaan negeri bagi tujuan tertentu. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri mempunyai 21 akaun amanah awam. Baki kumpulan wang amanah ini pada akhir tahun 2020 berjumlah RM116.55 juta berbanding RM132.47 juta pada tahun 2019 iaitu menurun sejumlah RM15.92 juta atau 12% seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
BAKI KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

PERKARA	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	132.47	139.69	(7.22)	(5.2)
Terimaan	114.16	67.43	46.73	69.3
Perbelanjaan	130.08	74.65	55.43	74.3
BAKI PADA 31 DISEMBER	116.55	132.47	(15.92)	(12.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

8.4. Akaun Deposit

8.4.1. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am memperakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian serta perlu dikembalikan apabila maksud deposit tersebut telah tercapai. Deposit Pelarasan pula merupakan akaun sementara sebelum bayaran atau pelarasan dibuat ke akaun tertentu.

8.4.2. Pada akhir tahun 2020, baki Akaun Deposit meningkat sebanyak RM42.98 juta atau 17.2% menjadi RM292.30 juta berbanding RM249.32 juta pada

tahun 2019. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan ketara Akaun Deposit Pelbagai di Jabatan Kerja Raya Negeri di bawah Deposit Am sebanyak RM39.56 juta atau 51.4% pada tahun 2020 menjadi RM116.48 juta berbanding RM76.92 juta pada tahun 2019. Hal ini disebabkan oleh peningkatan permohonan kerja gorek gali berjumlah RM46.16 juta dan cagaran membeli bahan kuari berjumlah RM0.47 juta pada tahun 2020. Pada tahun 2020, sejumlah RM13.13 juta deposit yang tidak dituntut telah diwartakan dan sejumlah RM6.31 juta telah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan.

8.4.3. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri mempunyai Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan di bawah Deposit Pelarasian berjumlah RM1.11 juta. Baki ini merupakan peruntukan yang disalurkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi pelaksanaan banci penduduk dan Perumahan Malaysia yang masih belum dibelanjakan. Baki Akaun Deposit pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
BAKI AKAUN DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	AKAUN DEPOSIT	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
DEPOSIT AM					
1.	Deposit Pelbagai	121.94	80.51	41.43	51.5
2.	Deposit Royalti Kayu Kayan	95.36	100.33	(4.97)	(5.0)
3.	Deposit Tanah	35.68	29.91	5.77	19.3
4.	Deposit Pematuhan Syarat-syarat Tenemen Mineral	20.10	20.40	(0.30)	(1.5)
5.	Deposit Jaminan Pelaksanaan	13.89	15.16	(1.27)	(8.4)
6.	Lain-lain Deposit	4.22	3.01	1.21	40.2
JUMLAH		291.19	249.32	41.87	16.8
DEPOSIT PELARASAN					
1.	Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan	1.11	0.00	1.11	100.0
JUMLAH AKAUN DEPOSIT		292.30	249.32	42.98	17.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan negeri yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Memorandum Aset dan Memorandum Liabiliti. Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset Kerajaan negeri iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Memorandum Liabiliti pula menunjukkan sebahagian liabiliti Kerajaan negeri yang terdiri daripada Hutang Awam, iaitu hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan

Persekutuan dan institusi kewangan. Penyata Akaun Memorandum pada akhir tahun 2020 menunjukkan Kerajaan negeri mempunyai aset berjumlah RM1.046 bilion manakala liabiliti pula berjumlah RM3.069 bilion.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan negeri kepada agensi negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan negeri atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2020, baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM199.69 juta menurun sebanyak RM4.70 juta atau 2.3% berbanding RM204.39 juta pada tahun 2019. Penurunan ini disebabkan oleh agensi/syarikat telah membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan.

9.1.2. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah memberi penangguhan bayaran balik anuiti tahun 2020 kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) masing-masing sebanyak RM4.54 juta dan RM4.10 juta. Baki Pinjaman Boleh Dituntut Kerajaan negeri pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	AGENSI/ SYARIKAT	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	138.99	140.68	(1.69)	(1.2)
2.	Amanah Saham Pahang Berhad	21.20	21.70	(0.50)	(2.3)
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	39.50	42.01	(2.51)	(6.0)
JUMLAH		199.69	204.39	(4.70)	(2.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

9.2. Pelaburan

9.2.1. Pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2020 berjumlah RM846.46 juta, menurun sebanyak RM2.33 juta atau 0.3% berbanding RM848.79 juta pada tahun 2019. Penurunan ini disebabkan oleh pelarasan pelaburan Axiata Group Berhad ke dalam Pelaburan Am di bawah Penyata Kedudukan Kewangan serta penyerahan pelaburan dalam Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang. Baki pelaburan saham Kerajaan negeri pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
BAKI PELABURAN SAHAM KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	SYARIKAT	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Felda Global Ventures Holdings Berhad	829.95	829.95	0.00	0.0
2.	Amanah Saham Pahang Berhad	16.51	16.51	0.00	0.0
3.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	0.00	2.10	(2.10)	(100.0)
4.	Axiata Group Bhd.	0.00	0.23	(0.23)	(100.0)
JUMLAH		846.46	848.79	(2.33)	(0.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

9.2.2. Pada tahun 2020, dividen daripada pelaburan saham yang diterima oleh Kerajaan negeri berjumlah RM3.65 juta, meningkat sebanyak RM3.56 juta atau 3,955.6% berbanding RM0.09 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan oleh terimaan dividen sebanyak dua sen bagi setiap unit saham dalam syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVHB) berjumlah RM3.65 juta. Kerajaan negeri turut mengagihkan sebanyak RM20,000 daripada dividen tersebut masing-masing kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Amanah Saham Pahang Berhad dan Kreatif Selaras Sdn. Bhd. yang masing-masing mempunyai pegangan 1 juta unit saham dalam FGVHB. Pulangan dividen ke atas pelaburan Kerajaan negeri bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 31** dan **Carta 5**.

JADUAL 31
DIVIDEN DITERIMA DARIPADA PELABURAN SAHAM
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020

BIL.	SYARIKAT	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
1.	Felda Global Ventures Holdings Berhad	3.65	10.94	0.00	0.00	3.65
2.	Axiata Group Berhad	0.16	0.08	0.08	0.09	0.00
3.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
4.	Amanah Saham Pahang Berhad	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH		3.81	11.02	0.08	0.09	3.65

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2016 hingga 2020

CARTA 5
DIVIDEN DITERIMA DARIPADA PELABURAN SAHAM
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2016 hingga 2020

9.3. Hutang Awam

9.3.1. Hutang Awam Kerajaan negeri terdiri daripada hutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan dan hutang kepada institusi kewangan bagi membiayai pelaburan. Pada tahun 2020, baki Hutang Awam meningkat sebanyak RM3.40 juta atau 0.1% menjadi RM3.069 bilion berbanding RM3.066 bilion pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan oleh terimaan pinjaman bagi Projek Bekalan Air sebanyak RM4.79 juta dan Projek Pelbagai untuk Pembangunan Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah (PPSAS) sebanyak RM37.45 juta.

9.3.2. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah membuat bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) sebanyak RM1.36 juta dan pembinaan bangunan Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) berjumlah RM8.21 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri turut membuat bayaran balik hutang kepada institusi kewangan sebanyak RM40 juta. Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
BAKI HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	PEMBIAYA/ TUJUAN PINJAMAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
KERAJAAN PERSEKUTUAN					
1.	Projek Bekalan Air	2,087.84	2,083.05	4.79	0.2
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	283.69	283.69	0.00	0.0
3.	Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	117.07	118.43	(1.36)	(1.2)
4.	Projek Pelbagai	521.29	481.32	39.97	8.3
JUMLAH		3,009.89	2,966.49	43.40	1.5
INSTITUSI KEWANGAN		60.00	100.00	(40.00)	(40.0)
JUMLAH HUTANG AWAM		3,069.89	3,066.49	3.40	0.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

9.3.3. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam

- a. Kerajaan negeri mempunyai tunggakan bayaran balik Hutang Awam termasuk faedah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.341 bilion iaitu menurun sejumlah RM47.58 juta atau 3.4% berbanding RM1.388 bilion pada tahun 2019.
- b. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan ketara tunggakan bayaran balik hutang bagi Projek Pelbagai sebanyak RM45.13 juta atau 34.2% menjadi 86.90 juta pada tahun 2020 berbanding RM132.03 juta pada tahun 2019. Hal ini antaranya disebabkan oleh pelarasan hapus kira faedah Pinjaman Mudah (Soft Loan) bagi SUKMA sejumlah RM36.92 juta.
- c. Tiada tunggakan bayaran balik hutang bagi Projek Bekalan Air dan Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) bagi tahun 2020 kerana Kerajaan negeri telah diberikan penangguhan bayaran balik hutang. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam Kerajaan negeri pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Projek Bekalan Air	1,036.59	1,036.59	0.00	0.0
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	150.07	150.07	0.00	0.0
3.	Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	67.13	69.58	(2.45)	(3.5)
4.	Projek Pelbagai	86.90	132.03	(45.13)	(34.2)
JUMLAH		1,340.69	1,388.27	(47.58)	(3.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Peraturan mengenai Akaun Belum Terima (ABT) dinyatakan dalam AP 89A dan Pekeliling Perbendaharaan WP10.6. ABT dikategorikan kepada Hasil, Pinjaman dan Hutang-hutang Lain. Pada tahun 2020, ABT Kerajaan negeri telah meningkat sejumlah RM745.62 juta atau 901.4% menjadi RM828.34 juta pada akhir tahun 2020 berbanding RM82.72 juta pada akhir tahun 2019. Peningkatan ketara ini disebabkan oleh perubahan kategori penggunaan dan syarat nyata tanah daripada ‘Nil’ atau ‘Tiada’ kepada suatu kategori penggunaan dan syarat nyata tanah yang bersesuaian serta pindaan kadar cukai tanah. Lima Jabatan yang mempunyai ABT tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
AKAUN BELUM TERIMA TERTINGGI BAGI LIMA JABATAN
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	JABATAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Maran	320.79	3.32	317.47	9,562.3
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan	183.52	37.35	146.17	391.4
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Bentong	123.53	2.76	120.77	4,375.7
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Raub	59.66	3.61	56.05	1,552.6
5.	Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands	27.85	0.19	27.66	14,557.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020 dan 2019

10.1.2. Tunggakan hasil cukai tanah meningkat sejumlah RM744.64 juta atau 1,111.1% menjadi RM811.66 juta pada tahun 2020 berbanding RM67.02 juta pada tahun 2019 seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
TUNGGAKAN CUKAI TANAH PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	JABATAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan	183.47	37.30	146.17	391.9
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Pekan	12.97	5.06	7.91	156.3
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Bera	11.15	2.51	8.64	344.2
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut	26.26	4.07	22.19	545.2
5.	Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands	27.82	0.17	27.65	16,264.7
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Raub	59.59	3.55	56.04	1,578.6
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Maran	320.72	3.26	317.46	9,738.0
8.	Pejabat Daerah dan Tanah Lipis	7.53	1.55	5.98	385.8
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh	22.22	4.06	18.16	447.3
10.	Pejabat Daerah dan Tanah Bentong	123.45	2.71	120.74	4,455.4
11.	Pejabat Daerah dan Tanah Rompin	16.48	2.78	13.7	492.8
JUMLAH		811.66	67.02	744.64	1,111.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Pahang Negeri Tahun 2020 dan 2019

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada akhir tahun 2020 adalah stabil berdasarkan perkara seperti berikut:

11.1. baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan negeri berjumlah RM541.99 juta pada akhir tahun 2020 berbanding RM331.69 juta pada akhir tahun 2019 iaitu meningkat sejumlah RM210.30 juta atau 63.4%;

11.2. baki pelaburan meningkat sejumlah RM100.07 juta atau 47.2% menjadi RM312.19 juta berbanding RM212.12 juta pada tahun 2019;

11.3. baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menunjukkan peningkatan sebanyak RM188.02 juta atau 815% menjadi RM164.95 juta pada tahun 2020 berbanding defisit berjumlah RM23.07 juta pada tahun 2019;

11.4. kutipan hasil meningkat sejumlah RM3.18 juta atau 0.4% pada tahun 2020 menjadi RM850.46 juta berbanding RM847.28 juta pada tahun 2019;

11.5. perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada tahun 2020 mencatat peningkatan sejumlah RM6.52 juta atau 1% menjadi RM662.44 juta berbanding RM655.92 juta pada tahun 2019; dan

11.6. tunggakan bayaran balik Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan menurun sejumlah RM47.58 juta atau 3.4% pada tahun 2020 menjadi RM1.341 bilion berbanding RM1.388 bilion pada tahun 2019.

12. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik prestasi kewangan, Kerajaan negeri disyorkan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

12.1. meneruskan amalan perbelanjaan secara berhemat serta berusaha mengutip tunggakan hasil dan bayaran balik pinjaman boleh dituntut bagi memperkuatkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan negeri; dan

12.2. berusaha untuk memastikan hutang awam dibayar mengikut tempoh yang ditetapkan.



BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit? Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit? Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

Apa yang ditemui Audit?

- Setakat 31 Ogos 2021, kesemua 10 BBN dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 untuk diaudit. Daripada 21 agensi negeri tersebut, 14 agensi negeri mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, iaitu sebelum atau pada 30 April 2021. Bagaimanapun, dua penyata kewangan yang dikemukakan tidak lengkap iaitu bagi Yayasan Pahang dan Majlis Daerah Cameron Highlands. Kedua-dua penyata kewangan tersebut telah dikembalikan untuk pindaan dan telah dikemukakan semula kepada pihak Audit selepas 30 April 2021.
- Tujuh agensi negeri yang lain telah memohon dan diluluskan pelanjutan tempoh oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang bagi mengemukakan penyata kewangan selewat-lewatnya pada 31 Mei 2021. Enam daripada tujuh agensi tersebut iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands dan Majlis Daerah Rompin telah mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit dalam tempoh penangguhan tersebut. Satu agensi lagi iaitu Majlis Daerah Pekan hanya dapat menyerahkan penyata kewangan untuk diaudit pada 2 Jun 2021 iaitu lewat dua hari dari tarikh akhir penangguhan yang dibenarkan.

- Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak empat daripada 21 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun kewangan 2020 telah diaudit dan diberi Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut adalah Lembaga Pembangunan Tioman, Perbadanan Stadium Darul Makmur, Majlis Sukan Pahang dan Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser. Baki 17 penyata kewangan lagi masih dalam peringkat pengauditan.
- Sehubungan itu, analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam Laporan kali ini memandangkan analisis bagi empat agensi sahaja tidak dapat memberi gambaran sebenar berkaitan kedudukan kewangan agensi negeri secara keseluruhannya.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA

PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2020	Bilangan Agenzi Negeri	Pengesahan Akaun
	10 Badan Berkanun Negeri	4 Pendapat Tanpa Teguran
	11 Pihak Berkuasa Tempatan	17 Belum Disahkan

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pada tahun kewangan 2020, terdapat penambahan satu penyata kewangan agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands (PKCH). PKCH ditubuhkan pada 31 Disember 2019 dan mula beroperasi pada tahun 2020. Pengauditan penyata kewangan PKCH oleh Ketua Audit Negara adalah selaras dengan Perenggan 30 (2) Enakmen Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands 2019, Enakmen 20 Undang-Undang Negeri Pahang.

2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2021, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit sepuluh penyata kewangan BBN serta 11 penyata kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Penubuhan BBN adalah mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri manakala PBT ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

2.2. Pengauditan terhadap penyata kewangan Lembaga Muzium Negeri Pahang, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands dan Majlis Daerah Raub dilaksanakan sendiri oleh Jabatan Audit Negara manakala 18 penyata kewangan lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS adalah selaras dengan peruntukan di

bawah Seksyen 7 (3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2021, kesemua 10 BBN dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 untuk diaudit. Daripada 21 agensi negeri tersebut, 14 agensi negeri mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, iaitu sebelum atau pada 30 April 2021. Bagaimanapun, dua penyata kewangan yang dikemukakan tidak lengkap iaitu bagi Yayasan Pahang dan Majlis Daerah Cameron Highlands. Kedua-dua penyata kewangan tersebut telah dikembalikan untuk pindaan dan telah dikemukakan semula kepada pihak Audit selepas 30 April 2021.

3.2. Tujuh agensi negeri yang lain telah memohon dan diluluskan pelanjutan tempoh oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang bagi mengemukakan penyata kewangan selewat-lewatnya pada 31 Mei 2021. Enam daripada tujuh agensi tersebut iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands dan Majlis Daerah Rompin telah mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit dalam tempoh penangguhan tersebut. Satu agensi lagi iaitu Majlis Daerah Pekan hanya dapat menyerahkan penyata kewangan untuk diaudit pada 2 Jun 2021 iaitu lewat dua hari dari tarikh akhir penangguhan yang dibenarkan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2020 oleh agensi negeri adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 OLEH AGENSI NEGERI

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Pembangunan Tioman	28.04.2021
2.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	28.04.2021
3.	Perbadanan Muzium Negeri Pahang	30.04.2021
4.	Majlis Sukan Pahang	30.04.2021
5.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	07.05.2021
6.	Yayasan Pahang	10.05.2021
7.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	28.05.2021
8.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	31.05.2021
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	31.05.2021
10.	Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands	19.07.2021

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PENYERAHAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Bera	23.04.2021
2.	Majlis Daerah Lipis	28.04.2021
3.	Majlis Bandar Raya Kuantan	30.04.2021
4.	Majlis Perbandaran Bentong	30.04.2021
5.	Majlis Perbandaran Temerloh	30.04.2021
6.	Majlis Daerah Jerantut	30.04.2021
7.	Majlis Daerah Maran	30.04.2021
8.	Majlis Daerah Raub	30.04.2021
9.	Majlis Daerah Cameron Highlands	03.05.2021
10.	Majlis Daerah Rompin	12.05.2021
11.	Majlis Daerah Pekan	02.06.2021

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan mulai tahun 2019 semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi negeri mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), perakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan berkaitan. Kegagalan agensi negeri untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan agensi negeri dianggap masih belum mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan piawaian perakaunan yang diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969 di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi negeri bagi tahun kewangan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH
AGENSI NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2020

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BILANGAN AGENSI NEGERI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	4
2.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	17
	JUMLAH	21

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan Juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah Juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters (KAM)]

Perkara Utama Audit (KAM) merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus (those charged with governance). KAM menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Ketua Audit Negara.

5.1.3. Perenggan Hal-Hal Lain [Other Matter (OM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan

pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau Juruaudit menghadapikekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, Juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer):

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi

pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak empat daripada 21 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun kewangan 2020 telah diaudit dan diberi Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut adalah bagi Lembaga Pembangunan Tioman, Perbadanan Stadium Darul Makmur, Majlis Sukan Pahang dan Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser. Baki 17 penyata kewangan lagi masih dalam peringkat pengauditan. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis Pendapat Audit bagi tahun 2017 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENDAPAT AUDIT TERHADAP PENGESAHAN
PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2020

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN (Bil. Penyata)			
		2017	2018	2019	2020
1.	Pendapat Tanpa Teguran	14	14	13	4
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara	5	1	-	-
3.	Pendapat Berteguran	2	6	7	-
4.	Pendapat Bertentangan	-	-	-	-
5.	Penafian Pendapat	-	-	-	-
JUMLAH		21	21	20	4

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2017 hingga 2020

5.4. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2019

5.4.1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Negeri yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 5 November 2020 hanya melaporkan dua penyata kewangan agensi yang dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara setakat 31 Ogos 2020. Penyata kewangan tersebut adalah bagi Majlis Sukan Pahang dan Majlis Daerah Cameron Highlands yang telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak 18 penyata kewangan agensi lain tidak dilaporkan dalam laporan tersebut kerana belum selesai diaudit setakat 31 Ogos 2020.

5.4.2. Sijil Ketua Audit Negara telah dikeluarkan terhadap 18 penyata kewangan tersebut di mana 11 penyata kewangan agensi diberikan Pendapat Tanpa Teguran dan tujuh diberikan Pendapat Berteguran. Jenis sijil yang dikeluarkan bagi 18 penyata kewangan agensi negeri tersebut adalah seperti dalam **Jadual 4** manakala

butiran lanjut mengenai Sijil Audit yang diberikan Pendapat Berteguran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 4
JENIS SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2019

BIL.	AGENSI NEGERI	JENIS SIJIL
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	Tanpa Teguran
2.	Yayasan Pahang	Tanpa Teguran
3.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	Tanpa Teguran
4.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	Tanpa Teguran
5.	Lembaga Pembangunan Tioman	Tanpa Teguran
6.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	Berteguran
7.	Perbadanan Muzium Negeri Pahang	Berteguran
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	Berteguran
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandar Raya Kuantan	Tanpa Teguran
2.	Majlis Perbandaran Bentong	Tanpa Teguran
3.	Majlis Perbandaran Temerloh	Tanpa Teguran
4.	Majlis Daerah Bera	Tanpa Teguran
5.	Majlis Daerah Maran	Tanpa Teguran
6.	Majlis Daerah Lipis	Tanpa Teguran
7.	Majlis Daerah Pekan	Berteguran
8.	Majlis Daerah Jerantut	Berteguran
9.	Majlis Daerah Rompin	Berteguran
10.	Majlis Daerah Raub	Berteguran

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2019

JADUAL 5
PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI
YANG DIBERIKAN PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP)	<p>Rosot Nilai Pelaburan Lain – RM12.10 juta</p> <p>PKNP telah membuat peruntukan rosot nilai sejumlah RM2.83 juta bagi Pelaburan dalam Syarikat Tioman Island Resort Bhd. di mana PKNP mempunyai 13.8% pegangan saham. Peruntukan ini dibuat adalah kerana syarikat tersebut mengalami kerugian pada tahun semasa. Bagaimanapun, Aset Ketara Bersih (NTA) syarikat pada tahun tersebut adalah melebihi kos pelaburan saham PKNP dan tiada peruntukan rosot nilai perlu dilakukan seperti ketetapan MPERS 27 – Rosot Nilai Aset. Peruntukan ini menyebabkan perbelanjaan PKNP terlebih nyata sejumlah RM2.83 juta.</p>
2.	Perbadanan Muzium Negeri Pahang (PMNP)	<p>Aset Bangunan – RM14.55 juta</p> <p>Termasuk dalam senarai aset Bangunan adalah dua item Bangunan (Balancing Figure) dengan kos masing-masing berjumlah RM1.52 juta dan RM1.93 juta. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah tersebut kerana tiada dokumen sokongan dikemukakan di samping pihak PMNP juga tidak dapat mengenal pasti Bangunan tersebut.</p>
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP)	<p>Peruntukan Manfaat Pekerja</p> <p>PPAP telah membuat Peruntukan Manfaat Pekerja berdasarkan polisi yang masih</p>

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
		<p>belum dibentangkan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah. Perubahan dalam kaedah pengiraan peruntukan yang diguna pakai pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 menyebabkan pelarasan sejumlah RM226,301 telah dikreditkan ke Penyata Prestasi Kewangan tahun 2019. Perkara ini telah menyumbang kepada lebihan pendapatan atas perbelanjaan dalam tahun yang dilaporkan berjumlah RM1.13 juta. Jumlah sebenar perbelanjaan Peruntukan Manfaat Pekerja bagi tahun 2019 yang perlu dilaporkan adalah sejumlah RM26,351 manakala sejumlah RM234,723 merupakan pelarasan tahun lalu yang perlu diambil kira. Kesan daripada perkara ini dan beberapa penemuan lain, lebihan pendapatan atas perbelanjaan dalam tahun telah terlebih lapor sejumlah RM373,933.</p>
4.	Majlis Daerah Raub (MDRaub)	<p>Aset Bukan Semasa – RM229.11 juta</p> <p>Dasar perakaunan MDRaub bagi Hartanah, Loji dan Peralatan adalah pada nilai kos tolak susut nilai. MDRaub telah mengambil kira pemilikan Tanah Lot H.S.(M) 14998 dan H.S.(M) 14999 tahun 2019 pada amaun penilaian semula yang berjumlah RM16.22 juta. Kos pemilikan tanah tersebut adalah berjumlah RM325,871 menyebabkan Aset Bukan Semasa MDRaub terlebih nyata sejumlah RM15.89 juta.</p> <p>Hasil – RM54.65 juta</p> <p>MDRaub telah mengambil kira amaun penilaian semula tanah sejumlah RM16.22 juta seperti di perenggan di atas sebagai Hasil Pemberian Kerajaan. Amaun tersebut bukanlah hasil kepada MDRaub kerana pemilikan tanah tersebut mempunyai nilai kos pemilikan yang telah dibayar oleh MDRaub. Hal ini menyebabkan hasil MDRaub telah terlebih nyata dengan jumlah tersebut.</p> <p>Perbelanjaan – RM20.49 juta</p> <p>MDRaub telah mengambil kira pertambahan Aset Bukan Semasa iaitu pemilikan tanah dan kenderaan pada tahun 2019 yang berjumlah RM455,871 sebagai perbelanjaan MDRaub. Selain itu, MDRaub juga telah merekodkan pelarasan belanja Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) tahun 2018 dan sebelumnya yang berjumlah RM153,489 sebagai belanja tahun semasa. Pelarasan perbelanjaan tersebut sepatutnya direkodkan sebagai pelarasan tahun lalu dalam Kumpulan Wang Majlis kerana perbelanjaan tersebut bukan perbelanjaan tahun semasa. Hal ini menyebabkan perbelanjaan terlebih nyata berjumlah RM0.61 juta.</p>
5.	Majlis Daerah Rompin (MDR)	<p>Wang Amanah Projek Kerajaan Peruntukan MARRIS Dan ECER – RM12.71 juta</p> <p>Terdapat perbezaan baki Wang Amanah Projek Kerajaan bagi peruntukan MARRIS dan ECER dengan baki di bank dan simpanan tetap masing-masing berjumlah RM256,722 dan RM396,689. Bagaimanapun, MDR tidak dapat mengemukakan dokumen sokongan berkaitan perbezaan tersebut yang berjumlah RM0.65 juta.</p> <p>Perbelanjaan – RM15.31 juta</p> <p>MDR telah mengambil kira pelbagai perbelanjaan sebanyak dua kali dalam penyata prestasi kewangan berjumlah RM205,882. Selain itu, MDR juga telah tersilap mengambil kira kos pembinaan aset kemudahan awam sejumlah RM246,250 sebagai perbelanjaan MDR. Hal ini menyebabkan perbelanjaan terlebih nyata sejumlah RM452,132.</p> <p>Hasil – RM40.29 juta</p> <p>Pada tahun 2018, MDR telah mengiktiraf pelunasan geran bagi projek pembinaan sebagai hasil sejumlah RM1.15 juta. Bagaimanapun, MDR telah tersilap merekod keluar hasil tersebut sejumlah RM1.10 juta pada tahun 2019 yang merupakan hasil kepada MDR. Hal ini menyebabkan hasil MDR telah terkurang nyata sejumlah RM1.10 juta.</p>
6.	Majlis Daerah Jerantut (MDJ)	<p>Menaik Taraf Padang FA Jerantut – RM1.39 juta</p> <p>Kerja dalam kemajuan bagi Menaik Taraf Padang FA Jerantut terlebih nyata sejumlah RM442,146 disebabkan MDJ mengambil kira kos keseluruhan projek yang berjumlah RM1.39 juta. Kos sepatutnya dilaporkan adalah sejumlah RM0.95 juta iaitu jumlah bayaran yang telah dibuat.</p> <p>Projek Membina Pembetungan Jambatan – RM465,382</p> <p>Kerja dalam kemajuan MDJ terlebih nyata sejumlah RM465,382 disebabkan Projek Membina Pembetungan Jambatan yang merupakan projek Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang telah dilaporkan sebagai kerja dalam kemajuan MDJ.</p>

BIL.	AGENSI NEGERI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
7.	Majlis Daerah Pekan (MDP)	<p>Kerja Dalam Pelaksanaan</p> <p>MDP tidak mengiktiraf projek menaik taraf Dataran Taman Tasik Abu Bakar sebagai kerja dalam pelaksanaan menyebabkan aset MDP terkurang nyata sejumlah RM1.73 juta. MDP juga tidak melunaskan liabiliti Sumbangan Amanah bagi projek tersebut menyebabkan Kumpulan Wang Majlis dan hasil terkurang nyata masing-masing berjumlah RM0.63 juta dan RM1.10 juta.</p>

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara bagi penyata kewangan agensi bagi tahun kewangan 2019

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen Penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi negeri yang telah diaudit berserta Sijil Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang. Bagi PBT, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu salinan penyata kewangan dan sijil yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Negeri Pahang.

6.2. Setakat 31 Ogos 2021, kesemua sembilan penyata kewangan BBN dan 11 penyata kewangan PBT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
**PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI BAGI TAHUN
KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 DI DEWAN NEGERI PAHANG**

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN NEGERI PAHANG
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Majlis Sukan Pahang	24.08.2020
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	20.11.2020
3.	Yayasan Pahang	20.11.2020
4.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	20.11.2020
5.	Lembaga Pembangunan Tioman	20.11.2020
6.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	25.08.2021
7.	Perbadanan Muzium Negeri Pahang	25.08.2021
8.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	25.08.2021
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	25.08.2021
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Kuantan	25.08.2021
2.	Majlis Perbandaran Bentong	25.08.2021
3.	Majlis Perbandaran Temerloh	25.08.2021

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN NEGERI PAHANG
4.	Majlis Daerah Rompin	25.08.2021
5.	Majlis Daerah Bera	25.08.2021
6.	Majlis Daerah Maran	25.08.2021
7.	Majlis Daerah Pekan	25.08.2021
8.	Majlis Daerah Cameron Highlands	25.08.2021
9.	Majlis Daerah Jerantut	25.08.2021
10.	Majlis Daerah Lipis	25.08.2021
11.	Majlis Daerah Raub	25.08.2021

Sumber: Fail Mesyuarat Dewan Negeri Pahang

7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan agensi yang dilaporkan setiap tahun oleh Jabatan Audit Negara adalah merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan pendapatan, aset dan liabiliti. Pada tahun 2021, negara masih berdepan dengan pandemik Covid-19. Keadaan ini telah menjelaskan proses pengesahan penyata kewangan tahun 2020 bagi agensi negeri berikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Agensi juga telah diluluskan pelanjutan tempoh oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit. Oleh itu, analisis prestasi kewangan agensi tidak dilaporkan pada kali ini kerana hanya empat penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah disahkan manakala baki 17 penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan.

8. RUMUSAN AUDIT

Setakat 31 Ogos 2021, hanya empat daripada 21 penyata kewangan agensi negeri telah selesai diaudit dan dikeluarkan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran iaitu Lembaga Pembangunan Tioman, Perbadanan Stadium Darul Makmur, Majlis Sukan Pahang dan Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser. Baki 17 penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan dan belum disahkan.

9. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri, Bahagian Kerajaan Tempatan dan Lembaga Pengarah akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian

perakaunan serta menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

- 9.1. agensi negeri perlu memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditabile* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengurus dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), perakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan, serta dokumen sokongan yang berkaitan;
- 9.2. agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa; dan
- 9.3. agensi negeri perlu mengambil tindakan proaktif untuk menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).



BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

BAHAGAIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri dilaksana terhadap sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan/agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.
- Pada tahun 2020, pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksanakan terhadap 8 jabatan/agensi negeri, iaitu;
 - Pengurusan Akaun Belum Terima di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang;
 - Pengurusan Kenderaan di Jabatan Agama Islam Negeri Pahang;
 - Pengurusan Kenderaan di Jabatan Kerja Raya Cawangan Mekanikal Negeri Pahang;
 - Pengurusan Kenderaan di Majlis Perbandaran Temerloh;
 - Pengurusan Aset dan Kenderaan di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang;
 - Pengurusan Pengagihan Bantuan Am di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang;
 - Pengurusan Perolehan Buku di Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang; dan
 - Pengurusan Aset di Majlis Daerah Pekan.
- Hasil daripada pengauditan pematuhan tersebut hanya satu yang dilaporkan kerana mempunyai elemen 3P1K iaitu Pengurusan Akaun Belum Terima di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri dilaksana untuk menentukan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan dan berkuat kuasa bagi mengelakkan berlakunya pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.

Apa yang ditemui Audit? • Pengurusan Akaun Belum Terima di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang

- Seramai 113 atau 47.6% peminjam tidak pernah membayar balik pinjaman sejak pinjaman diluluskan berjumlah RM1.71 juta. Daripada jumlah tersebut, 100 atau 88.5% peminjam adalah daripada kategori individu dengan baki tunggakan berjumlah RM1.21 juta manakala 13 atau 11.5% peminjam adalah bagi kategori koperasi/persatuan/syarikat dengan baki tunggakan berjumlah RM497,297.46;
- 69 atau 51.5% peminjam berjumlah RM1.18 juta telah melebihi tempoh 6 tahun (Akta Had Masa) dari tahun akhir pinjaman sepatutnya dibayar;
- Seramai 123 atau 52.1% peminjam masih mempunyai baki pinjaman tertunggak berjumlah RM2.51 juta. Daripada jumlah tersebut, 100 atau 81.3% peminjam daripada kategori individu dengan baki tertunggak sejumlah RM1.36 juta manakala 23 atau 18.7% peminjam yang mewakili kategori koperasi/persatuan/syarikat pula mempunyai baki tertunggak sejumlah RM1.15 juta; dan
- Notis amaran kepada peminjam tidak dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam syarat perjanjian Skim Pinjaman Ternakan.

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENGENALAN

- 1.1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/ jabatan/agensi Persekutuan dan negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/ kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap Jabatan dan Agensi Negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.
- 1.2. Pada tahun 2020, pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksanakan terhadap lapan jabatan/agensi negeri, iaitu;
- a. Pengurusan Akaun Belum Terima di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang;
 - b. Pengurusan Kenderaan di Jabatan Agama Islam Negeri Pahang;
 - c. Pengurusan Kenderaan di Jabatan Kerja Raya Cawangan Mekanikal Negeri Pahang;
 - d. Pengurusan Kenderaan di Majlis Perbandaran Temerloh;
 - e. Pengurusan Aset dan Kenderaan di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang;
 - f. Pengurusan Pengagihan Bantuan Am di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang;
 - g. Pengurusan Perolehan Buku di Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang; dan
 - h. Pengurusan Aset di Majlis Daerah Pekan.
- 1.3. Hasil daripada pengauditan pematuhan tersebut, hanya satu yang dilaporkan kerana mempunyai elemen 3P1K iaitu Pengurusan Akaun Belum Terima di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang, di mana wujudnya kelemahan dalam pengurusan kutipan tunggakan bayaran balik pinjaman yang boleh menjaskan kutipan hasil Kerajaan negeri.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PAHANG

- PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PAHANG

1. PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA

FAKTA UTAMA

491

Jumlah peminjam di bawah Skim Pinjaman Ternakan (SPT)

RM8.24 Juta

Nilai pinjaman yang diluluskan dari tahun 2000 hingga 2014

332

Jumlah peminjam yang mempunyai tunggakan sehingga 31 Disember 2020

RM4.74 Juta

Akaun Belum Terima Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2020

1. LATAR BELAKANG

1.1. Akaun Belum Terima (ABT) ditakrifkan sebagai amaun yang sepatutnya diterima tetapi belum diterima oleh kerajaan yang wujud daripada peristiwa lampau berdasarkan kepada bil atau melalui dasar, perjanjian atau keputusan kerajaan yang berkuat kuasa. Pegawai Pengawal dan Pemungut bertanggungjawab untuk memungut semua terima termasuk ABT selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP), Pekeliling Perbendaharaan Malaysia dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia yang berkuat kuasa.

1.2. Berdasarkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2020, ABT Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang (JPVNP) adalah berjumlah RM4.74 juta. ABT ini merupakan tunggakan pinjaman yang belum dijelaskan oleh peminjam di bawah Skim Pinjaman Ternakan (SPT). SPT telah diperkenalkan pada tahun 2000 bagi mengantikan Skim Pawah yang telah dimulakan sejak tahun 1959. SPT adalah skim yang menawarkan pinjaman haiwan ternakan iaitu lembu, kerbau, kambing atau biri-biri melalui kaedah pinjaman baka dan induk haiwan tersebut.

1.3. Bagi tempoh tahun 2000 hingga 2014, sebanyak 6,532 ekor ternakan bernilai RM8.24 juta telah diagihkan kepada 491 peminjam yang terdiri daripada penternak/pengusaha individu, berkelompok atau persatuan dan syarikat perladangan berkepentingan Kerajaan. Sehingga tahun 2020, daripada RM8.24 juta nilai pinjaman keseluruhannya, JPVNP telah dapat mengutip sejumlah RM3.50 juta (42.5%). Masih terdapat tunggakan pinjaman berjumlah RM4.74 juta (57.5%) yang melibatkan 332 peminjam. Seksyen Industri Ruminan, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan,

JPVNP telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras dan memantau pungutan hasil SPT.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada Akaun Belum Terima diuruskan dengan teratur mengikut akta, peraturan dan pekeliling berkaitan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan telah dilaksanakan di Seksyen Industri Ruminan, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan, JPVNP terhadap pengurusan ABT sehingga bulan Oktober 2020. Semakan dibuat terhadap rekod pinjaman melibatkan 236 atau 71.1% peminjam daripada 332 peminjam yang masih tertunggak berjumlah RM4.22 juta berdasarkan laporan ABT yang disediakan oleh JPVNP.

3.2. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak dokumen dan rekod, menganalisis data berkaitan serta mengadakan temu bual dan perbincangan dengan pegawai dan pihak terlibat untuk mendapatkan penjelasan lanjut terhadap isu berbangkit.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai bulan November 2020 hingga Mac 2021 dan maklum balas daripada JPVNP telah diterima pada 9 April 2021 dan 30 April 2021. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 15 April 2021. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Bayaran Balik Pinjaman SPT Tidak Dikutip Berjumlah RM4.22 Juta

4.1.1. Berdasarkan Perjanjian SPT, Perenggan 2.4 (Pembayaran Balik), peminjam akan membayar balik semua pinjaman bersama bayaran perkhidmatan dalam bentuk ternakan induk pembiak matang atau secara tunai mengikut jadual yang ditetapkan. Pembayaran balik oleh peserta bermula pada tahun kedua hingga tahun keempat perjanjian bagi pinjaman ternakan kambing/biri-biri. Bagi pinjaman ternakan lembu/kerbau pula, bayaran balik bermula pada tahun ketiga hingga tahun kelima perjanjian. Jumlah pinjaman yang perlu dibayar oleh peminjam adalah harga asal ternakan termasuk bayaran perkhidmatan sebanyak 4% daripada nilai ternakan.

4.1.2. Seksyen 20 Akta Had Masa 1953 menetapkan tiada sebarang tindakan boleh dibuat untuk mendapatkan kembali tunggakan bayaran balik pinjaman selepas tamatnya tempoh enam tahun dari tarikh perjanjian matang. Bagaimanapun, sekiranya tindakan undang-undang terhadap peminjam dihalang oleh had masa, JPVNP masih boleh menuntut pembayaran balik melalui notis amaran seperti yang diperuntukkan dalam Perenggan 4.3 Perjanjian SPT. Jika JPVNP menerima sebarang jumlah amaun bayaran daripada peminjam yang telah dihalang oleh had masa, ini akan mewujudkan semula klausma tindakan terhadap peminjam-peminjam tersebut dan tindakan undang-undang boleh diambil.

4.1.3. Pemberian terakhir SPT yang telah diberikan oleh JPVNP adalah pada tahun 2014. Pembayaran balik bagi pinjaman ini sepatutnya selesai dibayar oleh peminjam pada tahun 2018 bagi pinjaman ternakan kambing/biri-biri dan tahun 2019 bagi pinjaman ternakan lembu/kerbau.

4.1.4. Semakan Audit terhadap 236 sampel dengan jumlah tunggakan RM4.22 juta sehingga bulan Oktober 2020 mendapati perkara seperti berikut:

4.1.4.1. Pinjaman Tidak Pernah Dibayar Berjumlah RM1.71 Juta

- a. **Seramai 113 atau 47.6% peminjam tidak pernah membayar balik pinjaman sejak pinjaman diluluskan berjumlah RM1.71 juta.** Daripada jumlah tersebut, 100 atau 88.5% peminjam adalah daripada kategori individu dengan baki tunggakan berjumlah RM1.21 juta manakala 13 atau 11.5% peminjam adalah bagi kategori koperasi/persatuan/syarikat dengan baki tunggakan berjumlah RM497,297.46. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1.**

JADUAL 1
BILANGAN PEMINJAM YANG TIDAK PERNAH MEMBUAT BAYARAN BALIK
SEJAK PINJAMAN DILULUSKAN SEHINGGA BULAN OKTOBER 2020

BIL.	DAERAH	KATEGORI INDIVIDU		KATEGORI KOPERASI/PERSATUAN/SYARIKAT		JUMLAH KESELURUHAN	
		BIL. PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)	BIL. PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)	BIL. PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)
1.	Maran	29	353,721.64	5	275,414.64	34	629,136.28
2.	Bera	11	180,072.77	3	118,295.14	14	298,367.91
3.	Temerloh	14	190,390.53	2	74,901.78	16	265,292.31
4.	Jerantut	10	141,116.95	-	0.00	10	141,116.95
5.	Kuantan	11	91,464.42	1	4,826.64	12	96,291.06
6.	Raub	6	68,188.71	-	0.00	6	68,188.71
7.	Pekan	4	56,021.16	1	9,508.82	5	65,529.98
8.	Lipis	8	58,461.24	-	0.00	8	58,461.24

BIL.	DAERAH	KATEGORI INDIVIDU		KATEGORI KOPERASI/PERSATUAN/SYARIKAT		JUMLAH KESELURUHAN	
		BIL. PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)	BIL. PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)	BIL. PEMINJAM	JUMLAH PINJAMAN (RM)
9.	Bentong	4	39,942.05	-	0.00	4	39,942.05
10.	Rompin	3	30,050.80	-	0.00	3	30,050.80
11.	Cameron Highlands	-	0.00	1	14,350.44	1	14,350.44
JUMLAH		100	1,209,430.27	13	497,297.46	113	1,706,727.73

Sumber: Buku Rekod Skim Pinjaman Ternakan

- b. Daripada 113 peminjam tersebut, pihak Audit mendapat **69 (51.5%) peminjam melibatkan jumlah pinjaman RM1.18 juta mempunyai tempoh tunggakan pinjaman melebihi 6 tahun (Akta Had Masa)** dari tahun akhir pinjaman sepatutnya dibayar. Tunggakan berjumlah RM1.18 juta tersebut telah melebihi Akta Had Masa antara 1 hingga 10 tahun menyebabkan tindakan undang-undang tidak boleh diambil terhadap peminjam. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMINJAM TIDAK PERNAH MEMBUAT PEMBAYARAN BALIK DAN TELAH MELEBIHI TEMPOH AKTA HAD MASA

TAHUN AKHIR PATUT BAYAR (a)	TEMPOH TUNGGAKAN (Tahun)		BILANGAN PEMINJAM	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
	*(b)	**(c)		
2004	16	10	1	2,608.80
2006	14	8	5	36,778.54
2007	13	7	7	85,217.92
2008	12	6	9	112,619.80
2009	11	5	3	102,869.99
2010	10	4	8	117,973.64
2011	9	3	7	120,107.56
2012	8	2	14	305,945.92
2013	7	1	15	292,227.00
JUMLAH			69	1,176,349.17

Sumber: JPVNP

Nota: (*) – Bilangan tahun dari Tahun Akhir Patut Bayar hingga tahun 2020

(**) – Bilangan tahun di (b) tolak dengan tempoh Akta Had Masa (6 Tahun)

- c. Hasil semakan Audit juga mendapat daripada 113 peminjam tersebut, sembilan peminjam kategori individu dan satu penama yang mewakili koperasi telah meninggal dunia, manakala dua syarikat telah dibubarkan dengan nilai keseluruhan pinjaman tertunggak berjumlah RM230,039.

4.1.4.2. Baki Pinjaman Tertunggak Berjumlah RM2.51 Juta

- a. **Seramai 123 atau 52.1% peminjam masih mempunyai baki pinjaman tertunggak berjumlah RM2.51 juta.** Daripada jumlah

tersebut, 100 atau 81.3% peminjam daripada kategori individu dengan baki tertunggak sejumlah RM1.36 juta manakala 23 atau 18.7% peminjam yang mewakili kategori koperasi/persatuan/syarikat pula mempunyai baki tertunggak sejumlah RM1.15 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
BILANGAN PEMINJAM YANG MASIH MEMPUNYAI TUNGGAKAN
MENGIKUT KATEGORI DAN DAERAH SEHINGGA OKTOBER 2020

BIL.	DAERAH	KATEGORI INDIVIDU		KATEGORI KOPERASI/PERSATUAN/SYARIKAT		JUMLAH KESELURUHAN	
		BIL. PEMINJAM	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	BIL. PEMINJAM	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	BIL. PEMINJAM	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
1.	Maran	19	249,483.35	10	584,494.79	29	833,978.14
2.	Bentong	10	217,523.48	-	0.00	10	217,523.48
3.	Jerantut	15	209,460.46	1	51,295.32	16	260,755.78
4.	Kuantan	7	133,136.03	1	64,944.67	8	198,080.70
5.	Rompin	9	142,438.94	2	60,451.43	11	202,890.37
6.	Lipis	12	119,838.87	-	0.00	12	119,838.87
7.	Raub	14	114,355.79	-	0.00	14	114,355.79
8.	Pekan	7	86,468.31	3	158,757.11	10	245,225.42
9.	Temerloh	7	83,719.38	5	204,510.95	12	288,230.33
10.	Bera	-	0.00	1	31,625.73	1	31,625.73
JUMLAH		100	1,356,424.61	23	1,156,080.00	123	2,512,504.61

Sumber: Buku Rekod Skim Pinjaman Ternakan

- b. Daripada 123 peminjam tersebut, didapati 10 peminjam kategori individu dan lima penama yang mewakili koperasi/persatuan telah meninggal dunia, manakala tiga syarikat telah dibubarkan dengan nilai tunggakan berjumlah RM471,139.

4.2 Surat Peringatan Lewat Dikeluarkan

4.2.1. Perenggan 4.3, Cara Pembayaran Balik, Perjanjian SPT menetapkan sekiranya pembayaran balik gagal dibuat untuk 2 kali berturut-turut, notis amaran akan dikeluarkan oleh kerajaan kepada peminjam. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya peminjam masih gagal menyempurnakan pembayaran selepas tempoh amaran diberikan.

4.2.2. Semakan Audit mendapati notis amaran kepada peminjam tidak dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam syarat perjanjian SPT. Notis amaran tersebut hanya dikeluarkan bermula tahun 2007 terhadap peminjam yang tidak membayar balik pinjaman. Tindakan undang-undang pula lewat diambil kerana *Notice of Reminder* (NOR) hanya dikeluarkan oleh Penasihat Undang-

Undang (PUU) pada tahun 2019 manakala *Notice of Demand* (NOD) terhadap 29 peminjam hanya dikeluarkan pada tahun 2020.

4.3. Perkara di atas berlaku disebabkan oleh kegagalan JPVNP untuk menguatkuaskan klausu dalam perjanjian yang telah ditandatangani oleh peminjam. Selain itu, mekanisme pemantauan oleh JPVNP kurang berkesan di mana pemantauan melalui mesyuarat tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan dan lawatan fizikal tidak dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP). Hal ini menyebabkan pemantauan terhadap peminjam yang masih mempunyai baki tunggakan di peringkat daerah sukar dan lewat diambil tindakan yang sewajarnya.

4.4. Kesannya, JPVNP gagal mengutip hasil daripada bayaran balik pinjaman sejumlah RM4.22 juta yang seterusnya menyebabkan peningkatan kepada jumlah ABT Kerajaan negeri. Manakala, tindakan perundangan tidak dapat diambil oleh JPVNP terhadap peminjam yang melebihi Akta Had Masa mengakibatkan Kerajaan negeri kehilangan hasil sejumlah RM1.18 juta.

Maklum Balas JPVNP yang diterima pada 30 April 2021

Pada tahun 2015 dan 2019, JPVNP telah mengemukakan nama peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman kepada PUU. Kesemua nama peminjam juga telah diberikan kepada Unit Ketirisan Hasil di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan melalui satu perbincangan mengenai tunggakan hasil di peringkat Kerajaan negeri yang telah diadakan pada 1 April 2019.

Pihak PUU telah mengeluarkan NOR pada tahun 2019 terhadap peminjam yang mempunyai tunggakan. Surat NOR tersebut juga dikeluarkan kepada waris peminjam bagi tujuan penyelesaian tunggakan hutang. Manakala, NOD pula telah dikeluarkan pada tahun 2020 untuk membawa peminjam yang tidak pernah membuat pembayaran sejak pinjaman diluluskan kepada tindakan saman.

Mesyuarat SPT Bil. 01/2021 pada 31 Mac 2021 pula telah memutuskan supaya memperincikan masalah setiap peminjam bagi menentukan tindakan selanjutnya yang perlu diambil secara berperingkat mengikut daerah untuk mengkategorikan peminjam mengikut kategori berikut:

- Peminjam yang mempunyai masalah ternakan yang mati dalam masa terdekat selepas penerimaan ternakan.

- Peminjam yang boleh diangkat untuk hapus kira dengan pembuktian dokumen lengkap seperti laporan polis, keputusan *post-mortem* yang dikeluarkan oleh makmal veterinar dan dokumen sokongan yang lain.
- Peminjam yang boleh membuat pengurangan bayaran bagi kes-kes yang tertentu.
- Peminjam yang perlu diambil tindakan ke mahkamah.

Sehingga 12 April 2021, sejumlah RM95,023.32 bayaran SPT telah berjaya dikutip iaitu RM39,705.67 bagi kategori individu dan RM55,317.65 bagi kategori koperasi/persatuan termasuk bayaran yang dibuat oleh waris peminjam yang telah meninggal dunia dan 6 orang peminjam yang tidak pernah membuat pembayaran sejak pinjaman diluluskan.

Pernyataan Audit	Kelemahan pengurusan Akaun Belum Terima JPVNP menyebabkan RM4.22 juta atau 51.2% pinjaman SPT masih tertunggak walaupun tempoh bayaran balik pinjaman telah tamat. Kerajaan Negeri juga berisiko kehilangan hasil kerana RM1.18 juta daripada jumlah tunggakan pinjaman tersebut telah melebihi Akta Had Masa.
-------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop audit, dapat dirumuskan ABT berkaitan SPT di JPVNP tidak diurus dengan teratur. Kelemahan pengurusan ABT tersebut menyebabkan sebahagian peminjam di bawah SPT masih tidak menjelaskan tunggakan bayaran balik pinjaman serta mendedahkan Kerajaan Negeri kepada risiko kehilangan hasil.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Akaun Belum Terima dilaksanakan mengikut undang-undang/peraturan kewangan yang berkuat kuasa, JPVNP perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- 6.1. mengambil tindakan untuk mengutip balik tunggakan pinjaman termasuk tindakan perundangan terhadap peminjam/pewaris; dan
- 6.2. membawa perkara berkaitan tunggakan hasil yang tidak dapat dikutip kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri bagi tujuan hapus kira.



BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGERA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGERA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Perkara 107(2) Perlumbagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2019; dan LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2019 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang pada 25 Ogos 2021.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

2.1. Bagi tempoh 1 September 2020 hingga 30 Ogos 2021, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang (Jawatankuasa) telah membincangkan LKAN mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2018 Siri 2. Pengarah Audit Negeri Pahang telah membentangkan dua kajian yang dilaporkan dalam LKAN tersebut semasa mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan pada 15 September 2020. Jawatankuasa telah memanggil ketua jabatan/agensi negeri yang terlibat bagi dua kajian tersebut untuk memberi penjelasan terhadap isu Audit berbangkit. Perkara yang dibincangkan adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PAHANG
BAGI TEMPOH 1 SEPTEMBER 2020 HINGGA 30 OGOS 2021

TARIKH MESYUARAT	JABATAN/AGENSI NEGERI	PERKARA
15 September 2020	Mesyuarat Siasatan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 2	
	1. Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang	<ul style="list-style-type: none">Program Perumahan Awam Kos Rendah Melalui Kaedah Sewa Beli
	2. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	<ul style="list-style-type: none">RT Development And Engineering Sdn. Bhd.

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.2. Jawatankuasa juga perlu memastikan ketua jabatan/agensi negeri mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap syor yang telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam.



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun 2020 adalah baik kerana telah dapat diserahkan ke Jabatan Audit Negara untuk diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan. Kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 berada di tahap stabil. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM541.99 juta masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan negeri. Prestasi dan pengurusan kewangan Kerajaan negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.
- b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.
- c. Setiap kementerian/jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan pemantauan, pemeriksaan mengejut dan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.
- e. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya dan menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. UAD juga perlu membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
22 November 2021**



LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang. Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Kerajaan Negeri Pahang, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 11 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Pahang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Pahang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Pahang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasinya kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Pahang.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Pahang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persempahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran yang saksama.

Hal-hal Lain

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

[Signature]
(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 JULAI 2021



KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2020



PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN AKAUNTAN NEGERI PAHANG

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan 'International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting'; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pahang

